

KAJIAN PEMBIAKAN ARUHAN IKAN KETUTU *Oxyeleotris*
marmoratus (BLEEKER) DENGAN MENGGUNAKAN HORMON
OVAPRIM

YAZID BIN SAJJINAN

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TERENGGANU
1999

LP
38
FSGT
1
1999

**KAJIAN PEMBIAKAN ARUHAN IKAN KETUTU *Oxyeleotris marmoratus*
(BLEEKER) DENGAN MENGGUNAKAN HORMON OVAPRIM**

Oleh

YAZID BIN SAHJINAN

Laporan Projek ini merupakan sebahagian
daripada keperluan untuk mendapatkan
Ijazah Bacelor Sains Perikanan

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU

1999

1100024182

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, segala puji bagi Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan izinNya saya dapat menjalankan kajian projek tahun akhir ini dan seterusnya dapat menyiapkan penulisan dalam tempoh yang ditetapkan. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek khususnya Dr. Abol Munafi Ambok Bolong yang telah banyak memberikan pertolongan, nasihat, tunjuk ajar dan komen-komen yang membina sehingga projek tahun akhir ini siap.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Ketua Bahagian Akuakultur, Jabatan Perikanan Sabah En. Sairin Samin dan juga En. Lamjah Juka kerana banyak membantu semasa saya menjalankan kajian, juga kepada bagi pihak Pengarah Perikanan Sabah khususnya En. Daim Hj. Basrun kerana memberi kebenaran menjalankan kajian di Pusat Penetasan Perikanan, Tanjung Badak, Tuaran. Tidak lupa juga kepada Pegawai Penguasa Pusat Pn. Connie Fay Komilus dan anggota lain terutamanya En. Stephen Gamburud, Abidin Ag. Damit dan Norsidi Hj. Diasin, sokongan dan kerjasama kalian tidak dapat saya lupakan. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengurus Ladang Song Ceng Enterprises (M) Sdn. Bhd. En. Zulkarnain Zainal dan pembantunya En. K. Selvanadhan kerana membekalkan induk ikan ketutu untuk kajian awal.

Buat yang dicintai ibu dan ayah, serta ayah dan ibu mertua, terimalah hadiah yang tidak seberapa ini. Istimewa untuk isteri tersayang, terima kasih atas sokongan dan doronganmu. Buat yang disayangi kakak, abang dan adik, kalian membakar

semangatku. Untuk rakan-rakan sekelas dan seperumahan terutamanya Saudara Wan Hawari, Azhar Hj. Kassim, En. Zul, Datu Manaf dan Ladein, terima kasih diucapkan atas bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian.

YAZID SAHJINAN
N 14 RANAU/P 156 KINABALU

ABSTRAK

Kajian pembiakan aruhan ikan ketutu, *Oxyeleotris marmoratus* (Bleeker) dengan menggunakan hormon ovaprim ini telah dijalankan antara bulan Mei hingga September, 1998. Objektif kajian adalah menentukan saiz induk yang sesuai digunakan dalam pembiakan aruhan dan menentukan kadar penetasan yang baik antara telur yang dilurut dan tidak dilurut. Penyuntikan hormon ovaprim dilakukan dengan dos 1 ml/kg berat badan bagi induk betina dan 0.25 ml/kg bagi induk jantan. Sebanyak 7 ekor induk dapat dilurut dan menghasilkan telur antara 7,452.37 – 19,914.82 per ekor. Bagi yang tidak dilurut, 14 ekor bertelur dan menghasilkan telur antara 7,344.69 – 20,854.46 per ekor. Bilangan telur per ekor bagi kedua-dua rawatan tidak mempunyai perbezaan yang bererti ($P > 0.05$). Ujian regresi ($R^2 = 0.11$), menunjukkan tidak ada perhubungan yang kuat antara bilangan telur dengan berat badan. Ini bermakna saiz induk yang sesuai untuk digunakan dalam pembiakan aruhan ikan ketutu tidak dapat ditentukan berdasarkan kepada bilangan telur dengan berat badan. Namun begitu, didapati bahawa induk yang berada dalam julat berat badan antara 188.23 – 567.11 g adalah produktif membiak. Kadar penetasan telur yang dilurut dalam kajian ini adalah ber julat antara 27.32 – 33.44 % dan tidak dilurut antara 31.24 – 54.99 %. Kadar penetasan yang diperolehi bagi kedua-dua rawatan ini menunjukkan ada perhubungan yang bererti ($P < 0.05$), ini menunjukkan kaedah pembiakan aruhan ikan ketutu yang tidak dilurut adalah lebih baik berbanding dengan yang dilurut.

ABSTRACT

A study was conducted on the artificial spawning of marble goby, *Oxyeleotris marmoratus* (Bleeker) using ovaprim hormone between May and September, 1998 to find the optimum size for artificial spawning for the purpose of determining the hatching rate between the non stripping and the stripping produced egg. The dose used was 1 ml/kg body weight for male spawner and 0.25 ml/kg body weight for the female spawner. The stripping produced eggs ranged between 7,452.37 – 19,914.82 for the seven spawners used and 7,344.69 - 20,854.46 for the 14 spawners that spawned non stripping. There was no significant difference between the two method used ($P > 0.05$). The regression test showed that there was a weak relationship between the two method of egg production ($R^2 = 0.11$). It was concluded that the optimum spawners size cannot be detemined based on the eggs produced and body weight, however the weight of spawners in the ranged of 188.23 – 567.11 g were very productive. The hatching rate for the stripping spawned eggs was between 27.23 – 33.44 % while non stripping eggs between 31.24 – 54.99 % and there was a significant difference between two treatment ($P < 0.05$) to show that for marble goby the non stripping method was better than the stripping one.